

20/10/1998

Masalah negara kuatkan azam PM

DI Tokyo sejak beberapa hari lalu, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menjawab pelbagai soalan politik untuk menjelaskan salah faham dan kekeliruan mengenai perkembangan di Malaysia, berpunca daripada tindakan radikal segelintir rakyat negara ini. Keadaan ini tidak akan berlaku sekiranya rakyat tidak menimbulkan terlalu banyak masalah yang mencetuskan tindak balas pihak berkuasa.

Perdana Menteri tentunya boleh memanfaatkan sepenuhnya lawatannya ke Jepun untuk berbincang mengenai cara menyelesaikan masalah ekonomi yang melanda negara sejak Julai tahun lalu dan mengembalikan keyakinan dunia kepada peluang pelaburan di Malaysia. Tetapi, keadaan dalam negara yang diperbesar-besarkan oleh media asing, memaksa beliau memberi penjelasan yang ikhlas.

Isu ekonomi adalah masalah yang akan menentukan timbul atau tenggelamnya bangsa dan negara ini. Justeru itu amat penting sekali Malaysia terus berjuang untuk menegakkan kebenaran dan menangkis apa-apa usaha luar yang boleh menjejaskan kedaulatan negara. Dr Mahathir sering mengingatkan kita terhadap usaha penguasaan ekonomi cara baru oleh kaum kapitalis barat. Kerana pandangannya itu yang tidak dapat mereka nafikan, beliau dianggap sebagai 'musuh' oleh pedagang mata wang antarabangsa dan kuasa besar. Apakah kita belum jelas dengan percaturan pihak asing yang tidak senang dengan pendirian Dr Mahathir dalam menangani kegawatan ekonomi negara?

Dengan berdemonstrasi dan berarak di jalan raya sambil mengecam kepimpinan Dr Mahathir, kita sebenarnya membuka laluan kepada kuasa luar mempersoalkan keadaan kita. Apakah kita sebenarnya rakyat yang bertanggungjawab dengan melakukan tindakan menyalahi undang-undang? Akibat tindakan segelintir rakyat jugalah, Dr Mahathir menjadi sasaran kecaman rakan-rakannya dalam Asean terutama Filipina dan Indonesia. Jika sebelum ini mereka menyanjungi Dr Mahathir sebagai pemimpin yang berani menyuarakan pandangan dan suara hati negara Dunia Ketiga, hari ini sudah kedengaran suara sumbang yang begitu memilukan perasaan kita.

Dr Mahathir sudah cukup dibebani dengan masalah. Setelah kira-kira 15 bulan bertarung menghadapi pedagang mata wang antarabangsa dan kuasa besar dan berjaya pula meyakinkan pemimpin dunia mengenai keburukan kuasa pasaran, apakah secara tiba-tiba rakyat sendiri mahu mengkhianati niat sucinya. Walaupun isu dalam negara hari ini tidak ada kaitan secara langsung dengan masalah ekonomi, apakah salah baginya mahu mengatasi kepincangan yang wujud di negara ini? Perlukah rakyat berdemonstrasi belumpun orang yang didakwa dibicarakan di mahkamah? Berilah peluang kepada mahkamah untuk membuat keputusan seadil-adilnya. Janganlah ada antara rakyat negara ini membuat keputusan mendahului mahkamah.

Kita sedih kerana negara-negara rakan sudah termakan hasutan. Ini mungkin juga kesempatan politik bagi negara berkenaan kerana dengan mengecam Malaysia, mereka dapat memesongkan masalah rakyat di negara sendiri kepada serangan terhadap Malaysia.

Kejam benarkah pihak berkuasa negara ini ketika bertindak terhadap penunjuk perasaan berbanding dengan kekejaman yang dilakukan oleh pihak berkuasa negara berkenaan terhadap penunjuk perasaan di negara mereka? Berapa orang yang maut, malah cedera sekali pun, ketika pihak berkuasa keselamatan negara ini menyuraikan penunjuk perasaan? Soal bantuan yang dihulurkan untuk membantu rakyat mereka ketika susah, tidak lagi dihargai.

Meskipun berlaku penentangan segelintir rakyat terhadap keputusan

menyingkirkan bekas Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim dari Kabinet dan Umno, termasuk kesempatan yang diambil oleh parti pembangkang untuk menghuru-harakan keadaan politik negara, kedudukan Dr Mahathir tidak pernah tergugat.

Malah, ia menguatkan azamnya untuk membuktikan kebenaran demi maruah bangsa, agama dan negara. Tidak ada alasan yang boleh diterima dari pihak yang berdemonstrasi di jalan-jalan raya kononnya tindakan mereka adalah untuk membela nasib individu yang masih belum diputuskan oleh mahkamah. Mereka terang-terang menuding jari terhadap keluhuran undang-undang negara. Apakah ini bentuk reformasi yang mereka laung-laungkan?

Sekarang sudah ada suara yang meminta Yang di-Pertuan Agong membubarkan Parlimen dan mengadakan pilihan raya baru. Ini menunjukkan mereka tidak faham mengenai peraturan dan peruntukan yang termaktub di dalam perlembagaan negara mengenai pembubaran Parlimen dan penetapan pilihan raya. Jika golongan ini dibenarkan mentadbir negara, tidak syak lagi mereka akan meletakkan undang-undang di tangan mereka sendiri.

(END)